

JPAM selamat lembu jatuh parit

Bayan Lepas: Tindakan pantas anggota Jabatan Pertahanan Awam Malaysia (JPAM) yang dibantu orang ramai, berjaya menyelamatkan seekor lembu yang terjatuh ke dalam parit dekat Jalan Garuda di sini, pagi kelmarin.

Pegawai Operasi JPAM Barat Daya, Noor Mohd Saidi Noor Lajis, berkata pihaknya menerima panggilan daripada orang awam kira-kira jam 9 pagi, memaklumkan melihat seekor lembu terperangkap di dalam selut parit.

Terperangkap dalam selut

Beliau berkata, berikutan itu lima anggota JPAM dihantar ke lokasi bagi mengeluarkan lembu yang dipercayai terjatuh ketika meragut rumput berdekatan kawasan saliran berkenaan.

"Anggota kami terpaksa mengikat badan lembu dengan tali, namun usaha itu agak sukar kerana haiwan itu meronta ketika cuba ditarik



Anggota JPAM bersama penduduk menarik **lembu yang jatuh dalam parit** di Jalan Garuda, Bayan Lepas, pagi kelmarin.

[FOTO IHSAN JPAM]

ke tebing.

"Beberapa penduduk kemudian tampil membantu menenangkan lembu berkenaan sebelum berjaya ditarik dan diserahkan kembali kepada

tuannya," katanya ketika dihubungi semalam.

Ragut rumput dekat parit

Difahamkan, pemilik haiwan itu membiarkan ternakannya

meragut rumput sekitar padang berdekatan parit berkenaan setiap hari dan hanya menyedari lembunya terjatuh selepas dimaklumkan orang ramai.

B4
14/4/16